

SPESIFIKASI TEKNIKAL

Spesifikasi Untuk Membekal dan Menghantar 20 Ekor Lembu Jantan Baka Brahman Kacukan untuk Tujuan Pembiabakaan Kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang

1. Bilangan Yang Diperlukan

(a) Lembu Jantan untuk pembiakan : 20 ekor.

2. Umur:

24 bulan keatas (atau mempunyai sekurang-kurangnya sepasang gigi kekal) dan tidak melebihi 42 bulan (3 1/2 tahun)

3. Berat: minimum ialah 350 kg (semasa penerimaan)

Lembu yang didapati kurang daripada berat badan minima yang dikehendaki akan ditolak **tanpa kompromi** dan pembekal perlulah menanggung kos-kos penolakan yang berkaitan.

4. Punca bekalan Tempatan/Luar Negara

5. Gambaran am

Lembu JANTAN Baka Brahman Kacukan

- a) Tidak cacat anggota dan penglihatan
- b) Badan berwarna putih atau kelabu atau campuran ke dua-dua warna
- c) Mempunyai bonggol yang kelihatan jelas.
- d) Mempunyai testis yang bersaiz sama dan seimbang di dalam skrotum.
- e) Ukurlilit testis minima ialah 28 cm.

6. Protokol pengimportan untuk pembekalan

- a) Petender perlu mematuhi protokol import lembu dari Luar Negara ke Malaysia yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Malaysia

7. Prosedur pemeriksaan dan pemilihan lembu:

- a) Pemeriksaan lembu akan dijalankan di negara sumber lembu didapati. Pemeriksaan ini melibatkan pemeriksaan rekod ternakan, dokumentasi, pengenalpastian sumber perolehan ternakan, pemeriksaan dan pemilihan

ternakan.

- b) Tarikh pemeriksaan ternakan mesti dimaklumkan secara bertulis sama ada melalui faks, email atau surat serahan tangan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar tidak lewat dari 2 minggu sebelum tarikh pemeriksaan dan pemilihan ternakan dibuat di negara asal sumber perolehan ternakan. Ini bertujuan membolehkan urusan dokumentasi perjalanan pegawai yang dilantik dapat dilaksanakan dengan sempurna.

DI NEGARA SUMBER:

- a) Petender perlu mengumpulkan lembu mengikut spesifikasi yang diberikan untuk tujuan pemeriksaan dan pemilihan di satu pusat pengumpulan lembu sahaja.
- b) Petender perlu menyediakan peralatan yang berkaitan bagi tujuan pemilihan seperti tag RFID dan aplikatornya (mengikut spesifikasi Jabatan Perkhidmatan Veterinar) serta alat penimbangan digital.
- c) Pemeriksa yang dilantik perlu memeriksa 100% lembu jantan
- d) Adalah menjadi tanggungjawab petender untuk memastikan kandang pengumpulan lembu adalah bebas dari penyakit-penyakit sebagaimana yang dinyatakan di dalam protokol pengimportan lembu dari Luar Negara ke Malaysia untuk tujuan pembiakan.
- e) Jabatan tidak boleh dipertanggungjawabkan di atas singkiran ternakan semasa pemeriksaan dan pemilihan ternakan dibuat.

8. Pengenalan ternakan

- a) Ternakan yang diperiksa dan telah dipilih mesti dipasangkan tag RFID yang telah ditentukan mengikut spesifikasi Jabatan Perkhidmatan Veterinar.
- b) Ternakan yang hendak dihantar perlu dipastikan sembuh sepenuhnya daripada kecederaan akibat kerja-kerja pemasangan tag telinga berkenaan.

9. Penghantaran ternakan:

- a) Lembu perlulah dihantar sehingga ladang-ladang yang dinyatakan di dalam Jadual Pembekalan.
- b) Pembekal adalah dikehendaki menghubungi pegawai yang dilantik di negeri penerima bagi tujuan penghantaran dan juga mengesahkan penerimaan ternakan.
- c) Petender perlu membawa bersama makanan lembu sebagaimana di negara sumber yang mencukupi bagi tempoh 2 minggu untuk tujuan penyesuaian ternakan.
- d) Pembekalan ternakan perlu disempurnakan **3 bulan dari Pesanan Rasmi Kerajaan dikeluarkan**

10. Penggantian ternakan

- a) Pembekal adalah bertanggungjawab untuk menggantikan ternakan yang dibekalkan sekiranya didapati:-
 - i) Ternakan yang tiba di destinasi terakhir tidak menepati spesifikasi minimum yang ditetapkan.
 - ii) Mati dalam tempoh 2 minggu selepas tiba di destinasi terakhir.
- b) Kos penggantian ternakan adalah ditanggung sepenuhnya oleh pembekal. Walaubagaimanapun pembekal boleh memilih untuk membayar ganti rugi di dalam bentuk wang tunai kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar sebanyak **110% daripada harga tender**. Penggantian ini perlu disempurnakan dalam tempoh 90 hari dari tarikh tuntutan dikemukakan.

11. Import Dan Eksport, Sijil Kesihatan Dan Lain-lain Sijil.

Penyebutharga hendaklah menjelaskan bayaran Lesen Import Lembu ke Malaysia kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Kontraktor juga bertanggungjawab menjelaskan bayaran yang berkaitan dengan Lesen Eksport, bayaran Sijil Kesihatan, Insurans dan bayaran-bayaran lain yang berkaitan.

SEMUA PELALIAN DAN RAWATAN TERHADAP KEPERLUAN KESIHATAN TERNAKAN, HENDAKLAH MENDAPAT PENGESAHAN DARIPADA NEGARA ASAL.

12. Keperluan kesihatan:

Pembekal perlu mematuhi keperluan kesihatan seperti yang dinyatakan di dalam protokol pengimportan lembu untuk tujuan pembiakan. Sekiranya terdapat keperluan untuk memastikan ternakan yang dibekalkan tersebut bebas daripada penyakit-penyakit berkepentingan veterinar, pembekal adalah dikehendaki memastikan ujian-ujian berkenaan dilakukan di negara asal dan menanggung kos-kos yang berkaitan. Walaubagaimanapun, pada keadaan tertentu dan 'luarbiasa', pembekal boleh memohon kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar secara bertulis untuk melakukan ujian-ujian tersebut di Malaysia dengan kos berkaitan tersebut ditanggung sepenuhnya oleh pembekal.

ADALAH DIMAKLUMKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK TERTAKLUK UNTUK MENERIMA HARGA TENDER YANG TERENDAH.

13. Pembayaran:

Pembayaran akan dibuat dalam masa **14 hari** dari tarikh serahan dokumen yang lengkap. Dokumen lengkap mengandungi perkara-perkara berikut:-

- i) Resit bayaran atau Bil atau Inbois atau Nota tuntutan.
- ii) Nota hantaran asal yang **lengkap** ditandatangani oleh pegawai penerima dan mempunyai tanda cop rasmi yang tertera nama pegawai penerima.
- iii) Nota Akuan Terima oleh penerima di lapangan dan turut mempunyai butiran seperti dinyatakan di para 13 ii) di atas.
- iv) Salinan bon.
- v) Salinan kontrak perjanjian.
- vi) Sijil kesihatan veterinar yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa veterinar tempat sumber ternakan diperolehi.
- vii) Pesanan kerajaan.

Pembekal adalah amat digalakkan untuk menghantar dokumen berkenaan di dalam

bentuk jilid atau folder yang kemas dan berlabel.